



MOHAMED KHALED NORDIN (kiri) menandatangani plak perasmian sambil diperhatikan oleh Exco Pendidikan, Penerangan, Koperasi dan Pembangunan Usahawan Negeri Johor, Md. Jais Sarday (dua dari kiri) dan Mohd. Noh Dalimin (dua dari kanan) pada perasmian loji pemprosesan minyak dan gas Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTHM di Batu Pahat, Johor, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD

JPDC komited lahir modal insan bagi industri minyak dan gas

BATU PAHAT 4 April - Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) terus memberi fokus memperkasakan usaha melahirkan modal insan bagi memastikan masyarakat tempatan khususnya menerima manfaat dan tempias hasil pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Penggerang (PIPC).

Ketua Eksekutifnya, Mohd. Yazid Ja'afar berkata, bagi merealisasikan mandat itu, JPDC akan memperhebatkan pelbagai kerjasama dengan agensi dan institusi pendidikan menerusi program pembangunan modal insan yang mampu melahirkan tenaga kerja mahir dan mantap untuk sektor tersebut.

Menurutnya, usaha itu juga menyokong gagasan Johor Berkemajuan yang memberi fokus kepada keseimbangan pembangunan negeri yang tidak hanya memberi tumpuan kepada pembangunan serta pencapaian ekonomi tetapi mengambil kira kemajuan masyarakat di sekeliling pembangunan PIPC.

"Pelaksanaan projek berkaitan industri minyak dan gas terutama PIPC yang menjadi platform menransformasi Johor menjadi hab hiliran minyak dan gas bertaraf dunia kelak akan memberi kesan besar dan positif kepada lonjakan ekonomi negeri ini khususnya dan Malaysia amnya."

"Bagi tujuan itu, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri komited memastikan PIPC dibangunkan secara inklusif termasuk memperkasakan kemahiran anak tempatan sekali

gus bersedia untuk mengisi dan merebut pelbagai peluang pekerjaan dalam bidang berkenaan kelak.

"Justeru, JPDC akan terus fokus memperhebatkan usaha melahirkan modal insan berkemahiran menerusi kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak," katanya ketika berucap pada perasmian loji pemprosesan minyak dan gas Fakulti Teknologi Kejuruteraan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di sini hari ini.

Pada majlis itu, Mohamed Khaled turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persetujuan (MoA) untuk memperkasakan modal insan antara UTHM yang diwakili Naib Canselor, Prof. Dato Dr. Mohd. Noh Dalimin dan JPDC diwakili Mohd. Yazid.

Mohd. Yazid berkata, MoA bersama UTHM itu merupakan antara usaha dijalankan JPDC dalam menjalin kerjasama proaktif untuk melahirkan bakat industri yang mantap bagi memenuhi keperluan pasaran modal insan sektor berkenaan yang semakin meningkat di masa akan datang.

"Antara usaha yang bakal dijalankan menerusi MoA itu ialah peningkatan kemahiran, melaksanakan program *Training for Trainers* dan pada masa sama JPDC bertanggungjawab merancang serta merangka strategi keperluan pembangunan modal insan bagi industri hiliran minyak dan gas," katanya.